

02/03/2003

Laluan penuh keinsafan

Datuk Yusof Haslam

SYUKUR alhamdulillah, saya dan isteri selamat mengerjakan ibadat haji. Kami berangkat pada 21 Januari dengan penerbangan Saudi Air dan selamat pulang ke tanah air pada 18 Februari dengan penerbangan AirAsia.

Sebenarnya, sudah lama kami merancang untuk menunaikan rukun Islam ke lima ini tetapi hambatan kerja dan kesibukan menyebabkan hasrat kami terbantut. Namun apabila mendapat surat dari Tabung Haji tiba-tiba saya merasakan masanya sudah tiba untuk melakukan ibadat haji.

Kalau mahu dikirakan kesibukan dan hambatan tugas mungkin sampai bila pun takkan selesai. Itulah kata-kata yang selalu dilafazkan oleh isteri saya. Ibu saya juga selalu berpesan, sementara sihat dan berkemampuan jangan melengahkan masa untuk melakukan ibadat haji. Saya bersyukur dalam

usia yang belum mencecah 50 tahun saya dan isteri tercinta telah selesai mengerjakan rukun Islam ke lima. Sebelum ini kami sekeluarga sudah tiga kali mengerjakan umrah.

Sesungguhnya, sepanjang 26 hari di Tanah Suci mengerjakan ibadat haji, saya berasa amat tenang sekali walau pun jutaan manusia menghimpit kita. Di situ kita dapat melihat pelbagai bangsa dan keturunan dari seluruh dunia yang datang dengan hanya satu niat iaitu menunaikan ibadat haji dan

mendekatkan diri pada Allah SWT.

Memang tidak dinafikan dalam proses dan perjalanan mengerjakan ibadat haji, kita akan diuji dengan pelbagai dugaan. Keadaan cuaca, kerenah manusia di sekeliling kita, kemudahan asas yang tidak menentu dan terperangkap dalam lautan manusia adalah cabaran yang harus dilalui jemaah

haji tanpa mengira darjat dan kedudukan.

Saya masih ingat bagaimana kami terperangkap dalam bas hampir 10 jam dalam perjalanan yang jaraknya kurang 15 kilometer. Kami terpaksa berjalan

kaki sehingga beberapa kilometer tidak sampai ke destinasi. Di sinilah ujian kesabaran kita.

Merentasi jutaan manusia menjadikan kita cukup insaf betapa kerdilnya kita di sisi Allah SWT. Melihat tanah dan bukit-bukau yang gersang terbayang bagaimana sukarnya junjungan kita Nabi Muhamad saw dalam mengembangkan syiar Islam. Sesungguhnya, kita harus bersyukur dengan apa yang kita lalui pada hari ini.

Ketika mengerjakan ibadat haji status hidup sudah tidak wujud lagi. Setiap orang adalah sama haknya untuk menunaikan rukun Islam ke lima. Tidak ada siapa yang boleh menggunakan keistimewaan kedudukannya atau status sosialnya untuk mendapatkan layanan yang istimewa.

Sesuatu yang menarik perhatian saya ialah fungsi yang dimainkan Tabung Haji dalam menguruskan jemaah haji kita. Hampir setiap masalah yang dihadapi dapat diatasi oleh pegawai atau kakitangan Tabung Haji di Makkah

dan Madinah. Begitu juga segala kemudahan yang kita perlukan sentiasa disediakan oleh pihak berkenaan.

Kecekapan Tabung Haji mengurus jemaah haji adalah satu kelebihan untuk

kita lebih khusyuk melaksanakan ibadat. Saya dan isteri sungguh berterima kasih kepada setiap kakitangan Tabung Haji di Tanah Suci yang bekerjasama dalam segala hal yang diperlukan.

Di Tanah Suci saya berjumpa dengan beberapa orang rakan yang terbabit dalam dunia hiburan yang turut mengerjakan ibadat haji musim ini. Antaranya ialah Noor Azizah, Habsah Hassan bersama suaminya Mohd Jusoh dan Zaibo yang terkenal dengan karektor lucunya. Saya juga berjumpa dengan Datuk Zaini (ayah AC Mizal) yang kebetulan solat bersama saya di Masjidil Haram.

Dua orang menteri kita juga saya temui di tengah jutaan jemaah iaitu Datuk Effendi Norwawi (Menteri Pertanian) dan Datuk Jamaluddin Jarjis (Menteri Kewangan). Selain itu saya bersyukur kerana dapat berkenalan dengan ramai VIP dan kerabat diraja. Orang biasa dari pelbagai peringkat juga saya temui di sana. Pengalaman tidur beramai-ramai di dalam khemah selama beberapa hari banyak memberi pengajaran dan manfaat pada kita sesama Islam.

Dan sesuatu yang sungguh membanggakan saya ketika mengerjakan ibadat haji ialah penghormatan yang begitu tinggi dari orang luar terhadap kita apabila saya memberitahu saya rakyat Malaysia. Penghormatan besar itu datang kerana nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad yang telah membentuk satu imej yang tinggi di mata dunia sebagai seorang pemimpin Islam yang lantang dan berani bersuara.

Sampai ada jemaah dari negara lain yang berkata kepada saya, Malaysia beruntung mendapat seorang pemimpin besar yang bukan saja pragmatik bahkan berjaya membentuk sebuah negara Islam yang benar-benar terletak di atas landasan keislaman. Begitulah gahnya nama Dr Mahathir sehingga ada jemaah dari Turki yang mengatakan pada saya dunia Islam akan disegani jika kita mempunyai lebih ramai pemimpin seperti beliau.